



CAKNA PENGURUSAN REKOD

TAPISAN KESELAMATAN

DEFINISI

“Tapisan Keselamatan” bermaksud satu proses yang dapat membantu menentang kegiatan-kegiatan subversif, espionaj, sabotaj dan keganasan sama ada dari dalam atau luar negara. Proses ini mampu mengenal pasti kelemahan keperibadian pegawai awam yang memungkinkan mereka terlibat dengan pendedahan maklumat rahsia rasmi.

TAPISAN KESELAMATAN KASAR

“Tapisan Keselamatan Kasar” ialah proses asas yang digunakan bagi menapis pegawai awam, komuniti keselamatan yang dikehendaki melihat rahsia rasmi setakat peringkat “Sulit” atau perkara-perkara yang boleh menjejaskan keselamatan perlindungan.

TAPISAN KESELAMATAN HALUS

“Tapisan Keselamatan Halus” ialah proses teliti yang digunakan bagi menapis pegawai awam, komuniti keselamatan yang dikehendaki melihat rahsia rasmi pada peringkat “Rahsia” atau “Rahsia Besar” atau perkara-perkara yang boleh memudaratkan keselamatan perlindungan.

